MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500
Faks : 03-88804081
03-88883093
Laman Web : http://www.kehakiman.gov.my

TERIMA
27 DEC 2011
UNIT PERPUSTAKAAN

Ruj Tuan :

Ruj Kami : (21)MR/U/03/1

Tarikh 29 November 2011

ARAHAN AMALAN MAHKAMAH RAYUAN
BIL. 2 TAHUN 2011

PEMFAILAN REKOD RAYUAN DI DALAM FORMAT CAKERA PADAT (CD) BAGI NOTA-NOTA PROSIDING DAN NOTA KETERANGAN MAHKAMAH TINGGI

Di bawah peruntukan Kaedah 18(4)(b), Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 yang telah dipinda melalui Pindaan [(4)(b)Am.P.U(A)209/2011] yang mengkehendaki Perayu/Peguam Perayu menyertakan salinan nota-nota keterangan/nota prosiding atas perkara yang dirayu berkemungkinan direkod keseluruhan atau sebahagiannya secara mekanikal ke dalam Rekod Rayuan yang difailkan di dalam format cakera padat (CD).

Sehubungan dengan pindaan itu, terdapat kekeliruan atau ketidakpastian di kalangan Perayu/Peguam Perayu/Responden/Peguam Responden samada transkripsi perlu dibuat bagi keseluruhan atau sebahagiannya direkodkan secara mekanikal dan juga timbul permasalahan mengenai pengesahan transkripsi yang telah dibuat oleh pihak-pihak.

Bagi mengatasi masalah tersebut dan dengan tujuan menyelaraskan prosedur pemfailan Rekod Rayuan di dalam bentuk cakera padat (CD) bagi nota-nota keterangan/nota prosiding Mahkamah Tinggi yang direkodkan keseluruhannya atau sebahagiannya secara mekanikal, maka amalan berikut hendaklah dipatuhi:-

1. Semasa Perayu/Peguam Perayu memfailkan Rekod Rayuan yang mengandungi cakera padat (CD) Perayu/Peguam Perayu adalah dikehendaki menyatakan dengan jelas di dalam surat iringannya samada rayuan yang difailkan di Mahkamah Rayuan adalah Rayuan Interlokutori (IM) atau Perbicaraan Penuh (Full Trial) yang melibatkan keterangan lisan saksi ataupun telah diputuskan melalui keterangan affidavit.

2. Bagi rayuan dalam perkara-perkara Interlokutori (IM) atau Perbicaraan Penuh (Full Trial) di mana perkara-perkara yang diputuskan di Mahkamah Tinggi adalah melalui keterangan affidavit, tiada transkripsi perlu dibuat oleh peguam melainkan terdapat arahan Mahkamah Rayuan untuk berbuat demikian.

3. Bagi rayuan-rayuan terhadap keputusan selepas Perbicaraan Penuh (Full Trial) yang melibatkan keterangan lisan saksi, amalan berikut hendaklah dipatuhi:-

(i). Sejurus selepas Rekod Rayuan difailkan oleh Perayu/Peguam Perayu bagi kes Perbicaraan Penuh (Full Trial) yang melibatkan keterangan lisan saksi, Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan akan menetapkan rayuan tersebut untuk pengurusan kes dalam masa 4 (empat) minggu daripada tarikh penerimaan Rekod Rayuan tersebut.

(ii). Semasa pengurusan kes di hadapan Pendaftar Mahkamah Rayuan, Perayu/Peguam Perayu dan Responden/Peguam Responden hendaklah menentusahkan kepada Mahkamah bahagian nota keterangan/nota prosiding relevan yang akan dirujuk dalam perbicaraan rayuan kelak.

(iii). Pihak-pihak yang telah menentusahkan bahagian relevan masing-masing, hendaklah di dalam tempoh 2 (dua) minggu menyediakan transkripsi bagi bahagian/bahagian-bahagian (yang mana berkenaan) yang relevan tersebut dan mengemukakannya kepada pihak yang satu lagi untuk semakan. Sekiranya kedua-dua pihak bersetuju atas transkripsi/transkripsi-transkripsi (yang mana berkenaan) tersebut, maka transkripsi yang dipersetujui hendaklah difailkan sebagai Rekod Rayuan Tambahan ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan serta merta.

(iv). Sebaik sahaja Rekod Rayuan Tambahan yang mengandungi transkripsi tersebut difailkan, tarikh pengurusan kes akan ditetapkan dalam tempoh 4 (empat) minggu bagi penetapan tarikh perbicaraan.

(v). **SEKIRANYA** transkripsi yang disediakan oleh pihak-pihak dipertikaikan, maka pihak-pihak hendaklah mengemukakan transkripsi tersebut ke Mahkamah Tinggi di mana keputusan yang dirayu untuk disahkan oleh Setiausaha YA Hakim Mahkamah Tinggi/Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi berkenaan.

(vi). Transkripsi yang telah dibuat pengesahannya oleh Mahkamah Tinggi hendaklah difailkan sebagai Rekod Rayuan Tambahan serta merta.

(vii). Sebaik sahaja Rekod Rayuan Tambahan yang mengandungi transkripsi yang telah dibuat pengesahan difailkan , tarikh pengurusan kes akan ditetapkan dalam tempoh 4 (empat) minggu bagi penetapan tarikh perbicaraan.

Arahan Amalan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AZIMAH BINTI OMAR)
Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya
KUCHING, SARAWAK

LAMPIRAN A

YA Dato' Bentara Luar Dato' Hashim bin Dato' Haji Yusoff
Hakim Mahkamah Persekutuan
PUTRAJAYA

YA Tan Sri Mohd Ghazali bin Mohd. Yusoff
Hakim Mahkamah Persekutuan
PUTRAJAYA

YA Tan Sri James Foong Cheng Yuen
Hakim Mahkamah Persekutuan
PUTRAJAYA

YA Tan Sri Abdull Hamid bin Embong
Hakim Mahkamah Persekutuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Suriyadi bin Halim Omar
Hakim Mahkamah Persekutuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Ahmad bin Haji Maarop
Hakim Mahkamah Persekutuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Hasan bin Lah
Hakim Mahkamah Persekutuan
PUTRAJAYA

LAMPIRAN B

YA Datin Paduka Zaleha binti Zahari
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Wira Low Hop Bing
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Zainun binti Ali
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Haji Abdul Malik bin Haji Ishak
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Nihrumala Segara a/l M.K. Pillay
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Wira Abu Samah bin Nordin
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Sulong Matjeraie
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Sulaiman bin Daud
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Mohd. Hishamudin bin Mohd. Yunus
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Ramly bin Haji Ali
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Jeffrey Tan Kok Wha
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Azhar @ Izhar bin Haji Ma'ah
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Syed Ahmad Helmy bin Syed Ahmad
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Abdul Wahab bin Patail
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Clement Allan Skinner
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Hj. Mohamed Apandi bin Ali
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Zaharah binti Ibrahim
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Azahar Bin Mohamed
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Linton Albert
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Balia Yusof Bin Haji Wahi
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Alizatul Khair Binti Osman Khairuddin
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Dato' Aziah Binti Ali
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Datuk Wira Mohtarudin Bin Baki
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

YA Tuan Anantham Kasinather
Hakim Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA

LAMPIRAN C

YBhg. Tan Sri Peguam Negara Malaysia
Jabatan Peguam Negara
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
PUTRAJAYA

YBhg. Peguam Besar Negeri Sabah
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
Tingkat 8 & 9, Menara Tun Mustapha
Teluk Likas
Beg Berkunci 2054
88990 Kota Kinabalu
SABAH

YBhg. Peguam Besar Negeri Sarawak
Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak
Tingkat 15 & 16, Wisma Bapa Malaysia
93502 Petrajaya
KUCHING, SARAWAK

YBhg. Dato' Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YBhg. Dato' Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya
KUCHING, SARAWAK

Pengerusi
Majlis Peguam Malaysia
No. 13, 15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Presiden
Persatuan Peguam Sabah
(Sabah Law Association)
Second Floor, Sabah Associates
No. 58, Jalan Pantai
Hainan Associatio Building, W.D.T 414
88904 Kota Kinabalu
SABAH

Presiden
Persatuan Peguam Sarawak
(Sarawak Advocates Association)
Bar Room Judicial Department
Jalan Gersik
93050 Petrajaya
KUCHING, SARAWAK

LAMPIRAN D

Penasihat Undang-Undang Melaka
Pejabat Penasihat Undang-Undang Melaka
Aras 1, Blok Laksamana
Seri Negeri Ayer Keroh
75450 MELAKA

Penasihat Undang-Undang Pahang
Pejabat Penasihat Undang-Undang Pahang
Tingkat 3, Wisma Sri Pahang
25000 Kuantan, PAHANG

Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan
Jalan Cambell
70000 SEREMBAN

Penasihat Undang-Undang Kedah
Pejabat Penasihat Undang-Undang Kedah
Aras 4, Blok C,
Wisma Darul Aman
Jalan Tunku Bendahara
05250 Alor Setar, KEDAH

Penasihat Undang-Undang Perak
Pejabat Penasihat Undang-Undang Perak
Tingkat 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30512 Ipoh, PERAK

Penasihat Undang-Undang Selangor
Kamar Penasihat Undang-Undang Selangor
Pejabat Penasihat Undang-Undang Selangor
Tingkat 4 Podium Utara,
Bangunan Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah
40000 SHAH ALAM

Penasihat Undang-Undang Johor
Pejabat Penasihat Undang-Undang Johor
No. 2 Bukit Timbalan
80000 Johor Bahru
JOHOR DARUL TAKZIM

Penasihat Undang-Undang Perlis
Pejabat Penasihat Undang-Undang Perlis
Tingkat 1, Blok A, Bangunan Dato' Mahmud Mat
01000 Kangar
PERLIS INDERA KAYANGAN

Penasihat Undang-Undang Pulau Pinang
Pejabat Penasihat Undang-Undang Pulau Pinang
Tingkat 10, Bangunan Persekutuan
Jalan Anson, 10400
PULAU PINANG

Penasihat Undang-Undang Kelantan
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
Aras Bawah, Blok 5, Kompleks Kota Darul Naim
Jalan Kuala Kerai, 15503 Kota Bharu
KELANTAN DARUL NAIM

Penasihat Undang-Undang Terengganu
Pejabat Penasihat Undang-Undang Terengganu
Tingkat 14, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
TERENGGANU

LAMPIRAN E

Pustakawan
Mahkamah Pesekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pustakawan
Jabatan Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
PUTRAJAYA

LexisNexis Malaysia Sdn Bhd
T1-6, Jaya 33,
3, Jalan Semangat
Seksyen 13
46100 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

CLJ Legal Network Sdn. Bhd.
E1-2 (2nd Floor)
Jalan Selaman 1/2
Dataran Palma
68000 Ampang
SELANGOR DARUL EHSAN

Sweet & Maxwell Asia
No 17, Jalan PJS 7/19
Bandar Sunway
46150 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Dewan Bahasa dan Pustaka
Menara Dewan Bahasa dan Pustaka
Jalan Dewan Bahasa
50460 KUALA LUMPUR